

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Kluster Pedas jangkiti 316 individu

Putrajaya: Kluster Pedas kini sudah menjangkiti 316 individu termasuk 12 kes baharu yang dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham, berkata pihaknya sudah membuat saringan COVID-19 ke atas 957 kontak rapat, iaitu rakan sekerja dan ahli keluarga mereka.

Katanya, kesemua kes positif itu membabitkan 14 kes dalam kalangan warganegara Malaysia dan 302 kes pula adalah warga asing.

"Daripada jumlah berkenaan, 163 kes adalah warga Nepal; Bangladesh (67); Myanmar (35); Indonesia (31); India (4); dan masing-masing satu kes dalam kalangan warga Vietnam dan Kemboja," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Mengimbas kembali mengenai kluster itu, Dr Noor Hisham berkata kluster terbabit bermula dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia dan kemudian berjangkit serta menular kepada pekerja bukan warganegara.

"Seperti dimaklumkan sebelum ini, situasi tempat kediaman yang sesak dan sempit bagi golongan bukan warganegara sememangnya menjadi faktor utama penularan dalam kalangan mereka," katanya.

Pemulihan COVID-19

Tiada kes positif baharu babit warganegara

13 jangkitan dalam kalangan warga asing, dua import

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tiada kes penularan COVID-19 dalam negara yang membabitkan warganegara Malaysia dilapor semalam selepas kali pertama direkodkan pada 9 Jun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga 12 tengah hari semalam, terdapat 15 kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah kes aktif dan kebolehjangkitan COVID-19, di negara ini sebanyak 289 kes.

Katanya, dengan pertambahan kes baharu itu ia menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak 8,587 kes.

Daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan, dua kes adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara membabitkan warganegara Malaysia, manakala 13 kes penularan da-



Dr Noor Hisham pada sidang media harian COVID-19 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

lam negara ialah dalam kalangan warga asing.

"Selangor mencatatkan satu kes iaitu dikesan ketika prasarangan prapembedahan di Hospital Selayang, manakala 12 kes lagi dikesan dalam Kluster Pedas.


"Sehingga kini, dua kes masih

dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan sehingga jam 12 tengah semalam, terdapat 21 kes sudah pulih direkodkan menjadikan ju-

mlah kumulatif kes sebanyak 8,177 kes atau 95.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata tiada pertambahan jumlah kes kematian disebabkan COVID-19 dan jumlahnya kekal 121 kes atau 1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.



Grafik BH

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

KONTAK RAPAT KLUSTER LABU LANJUT

29 dikenal pasti



PENDUDUK Taman Sri Rampai, Setapak melakukan senaman tai chi dengan mengamalkan penjarakan sosial bagi mencegah penularan Covid-19 ketika tinjauan di sekitar ibu kota, semalam.

WARGA INDIA MATI DI DTI

Tiada gejala ketika dirawat di Maeps

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih menunggu laporan punca kematian lelaki warga India di Depoh Tahanan Imigresen (DTI) Bukit Jalil.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit terbit sebelum itu menerima rawatan di Pusat Kuarantin Covid-19 di Maeps, Serdang dan tidak bergejala.

"Tetapi, pesakit itu ada

komobiliti tinggi iaitu kecacing manis, darah tinggi dan sebagainya.

"Semasa dirawat di Maeps dia dalam sihat dan tiada gejala serta pulih (jangkitan Covid-19).

"Selepas kematiannya, kami buat bedah siasat dan dapati ada kesan sampingan daripada jangkitan radang paru-paru. Mungkin ada sebab lain kematian sama ada jangkitan kuman dan sebagainya," katanya, semalam.

Berita palsu penjual durian positif Covid-19

Kuala Terengganu: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) menafikan ada kes baharu jangkitan Covid-19 membabitkan seorang peniaga durian di Wakaf Tembesu, Kuala Nerus di sini seperti tular di aplikasi WhatsApp.

Pengarah JKNT, Dr Nor Azimi Yunus berkata, maklumat tular itu tidak tepat kerana Terengganu mencatat sifar kes baharu sejak 27 Mei lalu dan kes terakhir adalah pesakit berumur 35 tahun dari Kemaman yang dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan, Pahang pada 20

Mei lalu.

"Pesakit itu dibenarkan keluar pada 27 Mei lalu dan selepas itu tiada lagi kes aktif Covid-19.

"Kami tahu penyebaran berita kononnya ada penjual durian disahkan positif dan dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), namun saya tegaskan berita itu palsu.

"Tolong hentikan penyebaran berita palsu ini kerana boleh menimbulkan ketakutan kepada masyarakat sedangkan hal itu tidak berlaku," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

KLUSTER PEDAS

316 lagi dijangkiti

Kuala Lumpur: Kluster Pedas merekodkan 316 kes positif Covid-19 sehingga 12 tengah hari semalam, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Menurutnya, jumlah berkenaan direkodkan daripada 957 saringan dilakukan membabitkan 844 kontak di tempat kerja dan 113 ahli keluarga.

Katanya, kes positif kluster Pedas membabitkan 14 kes dalam kalangan warga Malaysia dan 302 kes bukan warganegara.

"Nepal (163), Bangladesh (67), Myanmar (35), Indonesia (31), India (4) dan masing-masing satu kes bagi warga Vietnam dan Kemboja," katanya, semalam.

Menurutnya, pekerja asing terbit juga terasing daripada masyarakat dan tidak memberi risiko kepada umum.

"Sebanyak 12 kes baharu dikesan dalam kluster itu membabitkan saringan Covid-19 kali kelima dilakukan KKM sepanjang tempoh mereka di pusat kuarantin," katanya.



PENIAGA, Sofian Malano menunjukkan durian di gerainya ketika tinjauan di sekitar kawasan Sri Rampai, Kuala Lumpur.



Oleh Mohd Firdaus Ibrahim dan Raja Noraina Raja Rahim am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 29 kontak rapat kes positif Covid-19 dari kluster Labu Lanjut, Sepang, dikenal pasti.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pengesanan kontak rapat itu dilakukan selepas menerima lima kes jangkitan Covid-19 dalam kalangan ahli keluarga.

"Kami menjalankan siasatan dan kenal pasti 29 kontak rapat kepada lima kes apabila seorang adalah kes indeks yang menjangkiti ahli keluarga.

"Tiada kes dikesan positif Covid-19 selain daripada ahli keluarga terbit," katanya dalam sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Ditanya langkah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengawal jangkitan dari kluster berkenaan, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya menjalankan saringan terhadap kontak rapat.

"Tidak perlu melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan itu, memadai dengan saringan," katanya.

Terdahulu, Dr Noor Hisham dilaporkan berkata, satu kluster baharu dikesan di Labu Lanjut, Sepang sehingga kini membabitkan lima kes positif Covid-19.

RINGKAS

Henti guna ubat antimalaria

Kuala Lumpur: Penggunaan ubat antimalaria, hydroxychloroquine untuk rawatan pesakit Covid-19 dihentikan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, ini berikutan ubat itu mempunyai kesan sampingan yang mengakibatkan komplikasi kesihatan kepada pesakit.

Katanya, KKM juga menghentikan kajian saintifik ubat berkenaan kerana penggunaannya tidak membantu merawat pesakit, malah jumlah pesakit Covid-19 di dalam negara juga berkurangan.

"Pada peringkat permulaan, kita guna ubat itu kerana ada kesan anti radang, tetapi apabila dapat 500 data, ia sebenarnya tiada kesan positif dalam keberkesannya," katanya.

Belum setuju buka pintu sempadan

Kuala Lumpur: Kesediaan Malaysia membuka pintu sempadan kepada rakyat Singapura dan Brunei masuk ke negara ini masih di peringkat awal perbincangan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perbincangan dilakukan antara kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pelbagai agensi berkaitan termasuk Kementerian Luar.

Menurutnya, setakat ini belum ada persetujuan antara dua negara berkenaan kerana perlu melihat risiko dan prosedur operasi standard (SOP) serta dasar kesihatan negara berkenaan.

15 kes baharu dicatat semalam

Kuala Lumpur: Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara merekodkan 15 kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif wabak itu sebanyak 8,587 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiada kes penularan tempatan dilaporkan. Katanya, dari jumlah itu, 13 kes dilaporkan dalam kalangan bukan warga negara, manakala dua kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Kes jangkitan dalam kalangan bukan warga negara membabitkan satu kes yang dilaporkan di Selangor, iaitu kes saringan prapembedahan di Hospital Selangang dan 12 kes daripada Kluster Pedas (Negeri Sembilan)," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Covid-19: Current situation globally

(As of 7pm June 22, 2020)

Malaysia **New cases 15** | **Total cases 8,587** | **Total deaths 121** | **Total recovered 8,177**

Asean+	China	Indonesia	Singapore	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	83,396	46,845	42,313	30,052	17,864	12,438	3,151	349	290	141	129	19
Deaths	4,634	2,500	26	1,169	953	280	58	0	6	3	0	0
Recovered	78,413	18,735	34,942	7,893	16,108	10,881	3,022	327	200	138	127	19
Global Top 10	US	Brazil	Russia	India	UK	Spain	Peru	Chile	Italy	Iran		
Confirmed cases	2,356,715	1,086,990	592,280	426,910	304,331	293,352	254,936	242,355	238,499	204,952		
Deaths	122,248	50,659	8,206	13,703	42,632	28,323	8,045	4,479	34,634	9,623		
Recovered	980,367	579,226	344,416	237,252	N/A	N/A	141,967	200,569	182,893	163,591		

12 new cases linked to Pedas cluster

DG: Over 8,000 of total cases have recovered, with no new deaths

By JOSEPH KAOS Jr and RASHVINJEET S. BEDI
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: A total of 12 of 15 new Covid-19 cases in Malaysia are related to the Pedas cluster in Negeri Sembilan.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the cluster, which is linked to a chicken factory in Pedas, Rembau, had contributed to 316 cases since May.

"A total of 957 individuals related to the cluster, comprising 844 close contacts and 113 family members, have been screened.

"Of the 316 positive cases, 14 are Malaysians while the others are from Nepal (163 cases), Bangladesh (67), Myanmar (35), Indonesia (31), India (four), Vietnam (one) and Cambodia (one)," he said at a press conference here yesterday.

This cluster originated from Malaysian workers before foreign workers there were infected.



He said all workers under this cluster had been quarantined so that they would not pose a risk to the public.

"Today's (yesterday) 12 new cases were detected from the fifth testing conducted on those who are under quarantine.

"Most importantly, this cluster is under control and we hope we can end it as soon as possible," he said. So far, 252 patients under this

cluster have recovered, which means there are 64 active cases still under treatment.

Besides the 12 Pedas cases, one other locally transmitted case was detected at the Selayang Hospital from a pre-surgical screening.

The other two cases are imported ones involving Malaysians who had returned from Tunisia and Singapore.

Dr Noor Hisham announced that another 21 patients had been discharged, which means 8,177 or 95.2% had recovered from the virus so far.

There are no new deaths, keeping the country's death toll at 121.

At present, the country has 289 active cases with only three people under intensive care.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said the ministry was still investigating the cause of death of a 67-year-old Indian national under the custody of the Immigration Department.

He said the man had been treated

for Covid-19 at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang before he was discharged.

Zeawdeen Kadar Masdar died at the Bukit Jalil Immigration Detention Centre after being found unconscious on June 12. He was the country's 121st death of Covid-19.

Dr Noor Hisham said that while the man showed no symptoms while being treated, he however had comorbidities such as high blood pressure and diabetes.

"After monitoring for a certain period, he was discharged because he did not display any symptoms and had recovered," he said.

Dr Noor Hisham said a post-mortem revealed side effects of lung inflammation in the man.

"Maybe there are other factors that caused his death, like a germ infection.

"We have taken swabs for bacteria and are waiting for the lab results," he said.

On another matter, Dr Noor

Hisham said the ministry had stopped conducting trials using hydroxychloroquine on Covid-19 patients in the country, after the medicine did not result in a significant difference on them.

The medicine, which has been used to treat malaria for more than 40 years, was part of a trial as it relieved inflammation.

"When we reviewed the data of about 500 cases, it was revealed that there were no positive effects.

"The statistics didn't show its effectiveness. When there is no effectiveness, we stopped using it," he said.

The World Health Organisation had in May halted trials of the drug for Covid-19 treatment under the global Solidarity Trial that Malaysia is also part of.

Watch the video thestartv.com



AKHBAR : NEW STRAITST TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

'Jangan bawa kanak-kanak ke hospital'

Risiko dijangkiti Covid-19 tinggi dan KKM tutup wad, hospital kepada pelawat

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Orang ramai dinasihatkan tidak membawa kumpulan berisiko terutama kanak-kanak untuk melakukan lawatan pesakit di di hospital kerana dibimbangi dijangkiti virus. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga kini Kementerian Kesihatan (KKM) masih menutup wad dan hospital kepada pelawat. "Di hospital banyak jangkitan. Kawalan di hospital masih diperketatkan. Jika ada pelawat,

kita membuat saringan terhadap mereka," katanya pada sidang media perkembangan terkini Covid-19 di kementerianya di sini semalam. Terdahulu beliau ditanya sama ada kanak-kanak dibenar melawat keluarga di dalam wad hospital. Terdahulu, Dr



DR NOOR HISHAM

Noor Hisham berkata, terdapat 15 kes positif Covid-19 yang dikesan setakat jam 12 tengah hari semalam. Menurutnyanya, daripada jumlah itu, sebanyak 13 penularan tempatan melibatkan warga asing dan dua kes import. "Dua kes membabitkan kes import yang mendapat jangkitan di Indonesia dan Singapura dan mereka adalah warganegara Malaysia. "Tiada kes penularan di dalam negara dalam kalangan rakyat tempatan," katanya.

Katanya, satu kes melibatkan warga asing dikesan pada pra pembedahan di Hospital Selayang manakala 12 lagi daripada Kluster Pedas, Negeri Sembilan. "Kluster Pedas masih aktif dengan 316 kes positif dikesan," katanya.

Beliau berkata, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 meningkat kepada 8,587 kes. "Sebanyak 289 kes yang masih dirawat di hospital," katanya. Beliau berkata, hanya dua pesakit Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi dan tidak memerlukan bantuan pernafasan. "Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan pada hari ini. Jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 adalah kekal 121 kes bersamaan dengan 1.41 peratus




Orang ramai dinasihatkan tidak membawa kumpulan berisiko terutama kanak-kanak untuk melakukan lawatan pesakit di di hospital.

daripada jumlah keseluruhan kes," katanya. Katanya, terdapat 21 kes pulih dan dibenarkan discaj. "Jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 8,177 kes bersamaan dengan 95.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya. Mengenai Kluster Pedas, katanya, kes positif yang dikesan

adalah hasil saringan kelima dalam tempoh mereka di pusat kuarantin. Katanya, kes Covid-19 bermula dengan pekerja tempatan yang disahkan positif sebelum menular kepada pekerja asing. "Sebanyak 14 kes dikesan dalam kalangan rakyat tempatan dan 302 melibatkan warga asing," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

OFF-LABEL MEDICATION

MALARIA DRUG NO LONGER USED

Hydroxychloroquine ineffective in treating Covid-19 patients, says Health D-G

TEOH PEI YING
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

MALAYSIA has stopped using hydroxychloroquine against Covid-19 as the malaria medicine has proven to be ineffective against the coronavirus.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the decision was made after data collected from 500 cases showed the medicine had no effect on those infected with the virus.

"It has been used on Covid-19 patients as an off-label medication in the early stages because it has anti-inflammatory properties. Based on collected data, we found that the drug has no effect. We stopped using it when we learnt about the outcome.

"We were also informed there was a 30 per cent complication rate to the heart and eyes, so we had to monitor the usage."

Dr Noor Hisham said the ministry still studied the effectiveness of other medications, including drugs used for HIV, lopinavir/ritonavir.



Hydroxychloroquine has no effect on Covid-19 patients. AFP PIC

With Malaysia's recovery rate at more than 95 per cent now, he said it was difficult for the Health Ministry to run clinical trials of remdesivir on Covid-19.

"We do not have enough patients to test the medicine, although we have been identified by the World Health Organisation as one of the centres for the clinical trials.

"Our recovery rate is more than 95 per cent and the death rate is at 1.41 per cent, which is good for our country."

He said the ministry would conduct research soon to check the antibodies of those who had

recovered from Covid-19.

"It was reported the antibodies would last for only about three months in Covid-19 patients, hence, we will soon conduct a research to check whether they have the antibodies."

On reopening Malaysia's borders to green zone countries, he said Malaysia was still in the early stages of discussions on the matter.

He said the discussions involved multiple agencies, including the Health Ministry and Foreign Ministry with their counterparts, touching on various matters, including the imple-

mentation of standard operating procedures (SOP) and policies in handling the pandemic.

Last week, it was reported the government was discussing opening its borders to those from Singapore, Brunei, Australia, New Zealand, Japan and South Korea.

"We are also looking at opening the border to other countries, apart from the six countries."

He said the discussions would determine whether the borders would reopen during the Recovery Movement Control Order phase, which ends on Aug 31, or after the RMCO.

He said the Health Ministry was the authoritative body for Malaysia in deciding which countries were categorised as green-zone nations and explained that the ministry identified the countries based on their domestic rate of infection or imported cases involving foreigners as well as the latest Covid-19 trend.

On hospital visitations, he said they were off limits. "The threat of Covid-19 is there.

"We will not open up (hospital) visitations to the public anytime soon," he said, adding that only family members of the critically sick were allowed to visit.

On Covid-19 updates, he said 15 new infections were reported, while 21 patients had recovered and were discharged up to noon yesterday.

He said two of the new cases were imported and the rest were local transmissions involving only foreigners, adding that the imported cases involved a Malaysian who had recently returned from Singapore and another Malaysian who came back from Indonesia.

"For the 13 local transmissions, one was detected from a pre-surgery screening at the Serdang Hospital in Selangor and 12 were linked to the Pedas cluster in Negeri Sembilan.

"Four Bangladeshis, three Indonesians, two Nepalis, two from Myanmar and two Cambodians were tested positive during the second swab test at the quarantine centre."